

PENGLIBATAN PIHAK SWASTA DALAM PROGRAM PENHIJAUAN: PENGALAMAN DI NEGERI PERAK

Mohamed Zin Yusop¹ Siti Dessyma Isnani¹ Azmi Mohd Zain¹ Ngu Mooi Yean¹

¹*Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Perak (MALAYSIA)*

*Emel: mzin@forestry.gov.my, dessyma@forestry.gov.my, azmi.zain@forestry.gov.my,
mooiyeen@forestry.gov.my*

Abstrak

Kerajaan Negeri Perak giat melaksanakan Program Penghijauan di bumi Perak sejak Kempen Tanaman 26 Juta Pokok. Jabatan Perhutanan merupakan Jabatan utama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penghijauan. Program penghijauan ini dilaksanakan sama ada di dalam hutan simpanan kekal, tanah kerajaan dan tanah milik dengan penglibatan pelbagai agensi, badan korporat, swasta, badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO), institut pendidikan tinggi, sekolah dan individu. Dalam pelaksanaan program penghijauan ini, beberapa program telah diwujudkan dan dilaksanakan seperti Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan, Perak Oxygen-Land Bank (POLB) dan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Terdapat beberapa isu dan cabaran dalam melaksanakan program ini. Di antaranya adalah dalam mendapatkan penglibatan pihak swasta yang lebih meluas akibat daripada platform yang kurang sesuai untuk mempromosi program tersebut. Selain itu, sistem pembayaran sedia ada adalah kurang mesra pengguna yang menyebabkan pihak swasta kurang berminat untuk menyertai program tersebut. Kakitangan yang tidak mencukupi untuk membuat hebahan dan promosi serta kurang kemahiran berkomunikasi terutama dalam memasarkan produk-produk seperti Program POLB tersebut adalah salah satu cabaran juga kepada pihak jabatan. Oleh itu, jabatan telah mengadakan hebahan dan promosi di platform yang lebih tinggi seperti penglibatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), jabatan juga telah dan akan mengadakan latihan yang lebih komprehensif kepada kakitangan jabatan dari masa ke semasa, pengambilan kakitangan-kakitangan baru dan menyediakan sistem pembayaran secara dalam talian. Inisiatif jabatan untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta adalah dengan mengadakan pengecualian cukai dan sijil penghargaan daripada kerajaan negeri ke atas tajaan tersebut. Keseluruhannya, program penghijauan ini bukan sahaja menghijaukan bumi Perak malah turut menyumbangkan kepada hasil Kerajaan Negeri Perak dan merealisasikan konsep *Forest Beyond Timber*. Ini dapat mengurangkan kebergantungan kerajaan negeri kepada hasil daripada pembalakan secara tidak langsungnya dapat memelihara hutan simpanan kekal di negeri Perak.

Kata kunci: Penglibatan swasta, Program Penghijauan di negeri Perak, Perak Oxygen-Land Bank, Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan, Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, *Forest Beyond Timber*, isu dan cabaran dan inisiatif jabatan.

1.0 PENDAHULUAN

Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan aktiviti-aktiviti penanaman pokok ke arah menghijaukan bumi Perak secara aktif. Sejak Kempen Menanam 26 Juta Pokok dilaksanakan pada tahun 2010 sehingga 31 Mei 2022, Kerajaan Negeri Perak telah berjaya menanam sejumlah 29,739,423 pokok.

Kerajaan Negeri Perak menyahut saranan Kerajaan Persekutuan untuk melindungi dan memelihara kawasan hutan sedia ada serta memulihara kawasan-kawasan miskin dan terosot melalui program penanaman pokok. Pokok-pokok yang disasar merupakan pokok-pokok yang mempunyai sifat-sifat seperti batang berkayu, dahan, akar dan daun.

Program penghijauan ini juga merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan hijau bagi kesejahteraan kualiti hidup dan juga menangani fenomena perubahan iklim di peringkat global. Selain itu, usaha tersebut juga dapat menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara. Program ini juga dapat memupuk semangat cintakan alam semulajadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan liputan kawasan berhutan di Malaysia amnya dan di Perak khususnya.

2.0 TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman kejayaan, isu dan cabaran Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penanaman pokok ke arah menghijaukan bumi Perak dengan penglibatan pihak swasta.

3.0 LATAR BELAKANG

Negeri Perak merupakan negeri yang kedua terluas di Semenanjung Malaysia. Keluasan tanah negeri Perak adalah seluas 2,114,763.64 hektar. Keluasan kawasan berhutan di negeri Perak adalah seluas 1,015,971.90 hektar iaitu 48.04% dari keluasan tanah negeri Perak. Manakala hutan simpanan kekal di negeri Perak adalah seluas 986,848.26 hektar iaitu 97.13% dari kawasan berhutan. Negeri Perak mempunyai beberapa jenis hutan iaitu dari paras setinggi-tingginya hingga ke paras paling bawah seperti Hutan Montane, Hutan Dipterokarp Bukit, Hutan Dipterokarp Pamah dan Hutan Paya Laut.

Dalam menjalankan pengurusan hutan secara lestari/ berkekalan, masih lagi terdapat hutan miskin atau terosot akibat daripada beberapa faktor seperti pencerobohan, penerokaan, faktor persekitaran seperti hakisan akibat banjir dan tanah runtuh, kebakaran dan pertumbuhan semula yang sangat rendah dari kawasan pengusahasilan hutan.

Oleh itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di mana jabatan perhutanan merupakan jentera utama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penanaman pokok. Usaha ini turut dibantu oleh pelbagai agensi, badan korporat, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institut pendidikan dan individu dalam menjayakan program ini.

Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan aktiviti penanaman pokok berskala besar sejak tahun 2005 dan menyahut seruan Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan program penanaman sejumlah 100 juta pokok melalui Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan pada awal tahun 2021. Program penghijauan ini dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Kerajaan Negeri Perak telah menasaskan

penanaman 10 juta pokok dalam tempoh ini yang merupakan *Key Performance Indicators* (KPI) Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak menyedari peningkatan minat daripada pelbagai agensi khususnya di luar bidang perhutanan untuk melibatkan diri dan menyumbang secara sukarela di dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Menyedari hasrat tersebut, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan tiga (3) program bagi memberi peluang kepada pihak swasta yang berminat terlibat dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Program tersebut adalah Perak Oxygen-Land Bank (POLB), Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan dan program kerjasama strategik bersama syarikat korporat melalui aktiviti *Corporate Sosial Responsibility* (CSR).

POLB adalah program jangka panjang (*long term programme*) di mana ianya telah diwar-warkan kepada orang awam semenjak tahun 2018 dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pada 20 November 2019. Pemilihan nama POLB adalah bertepatan dengan fungsi pokok yang menghasilkan lebih banyak oksigen dan udara segar dengan meningkatkan kawasan hijau atau litupan pokok melalui aktiviti penanaman pokok baharu. Bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan pihak swasta, Jabatan telah merangka satu pakej yang lebih menarik dengan mengkaji semula kadar bayaran dan menawarkan lebih banyak pilihan melalui pindaan Kaedah-Kaedah Hutan 1988. Pada masa yang sama, mekanisma baru iaitu Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan telah diperkenalkan kepada agensi/ syarikat swasta untuk menaja penanaman pokok secara skala besar iaitu penanaman pokok sekurang-kurangnya satu hektar.

4.0 PERLAKSANAAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM PENGHIJAUAN NEGERI PERAK

4.1 Kempen Penanaman 26 Juta Pokok

Kempen Penanaman Pokok 26 Juta yang bertemakan “Hijaukan Bumi: 1 Warga 1 Pokok” telah bermula dari tahun 2010 hingga 2015 yang mana telah melebihi sasaran 1 warga 1 pokok penduduk Perak di mana lebih kurang 2.35 juta orang penduduk pada masa itu. Sepanjang tempoh pelaksanaan kempen ini, sebanyak 16,809,802 pokok telah ditanam. Kempen ini sejajar dengan komitmen kerajaan untuk mengekalkan 50% keluasan tanah Malaysia dilitupi hutan dan juga mengurangkan 40% pelepasan karbon ke udara.

4.2 Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

Bagi negeri Perak, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah meletakkan sasaran sebanyak 10 juta pokok bagi tempoh 5 tahun yang mana sebanyak 2 juta pokok telah ditetapkan untuk ditanam pada setiap tahun. Sehingga kini, jumlah penanaman secara kumulatif adalah sebanyak 3,163,201 pokok yang mana pada tahun 2021, Perak telah melaksanakan penanaman pokok sebanyak 2,206,938 manakala sehingga 31 Mei 2022 sebanyak 956,263 pokok. Kawasan-kawasan yang ditanam adalah hutan simpanan kekal, tanah kerajaan dan tanah milik di semua daerah hutan negeri Perak. Program-program penanaman ini melibatkan pelbagai agensi, badan korporat, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institut pendidikan dan individu.

Bagi memastikan kejayaan Program Penghijauan Malaysia, program *Commucation, Education, Participating and Awareness* (CEPA) telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan sebanyak 14 buah program telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021 dengan

melibatkan pelbagai agensi swasta, institut Pendidikan. Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga melaksanakan program sumbangan anak pokok kepada komuniti dan masyarakat setempat.

Dalam pelaksanaan program ini untuk tempoh dua (2) tahun iaitu tahun 2021 dan 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima sejumlah peruntukan RM7,086,061.00. dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM1,750,000.00 pada tahun 2021 dan sejumlah RM930,000.00 bagi tahun 2022. Manakala peruntukan pembangunan dari negeri Perak adalah sejumlah RM700,000.00 pada tahun 2021 dan RM600,000.00 bagi tahun 2022. Selain peruntukan pembangunan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga telah menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) sejumlah RM1,706,061.00 bagi tahun 2021 dan RM1,400,000.00 pada tahun 2022.

Pada tahun ini, jabatan ini juga menerima sejumlah RM1,000,000.00 dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi Program Penanaman Pokok di Pesisiran Pantai bagi pelaksanaan inisiatif projek jaminan makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar negeri Perak.

Bagi menggalakkan penyertaan pelbagai agensi melalui Program Penghijauan Malaysia ini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengadakan beberapa perbincangan dan mesyuarat bersama pelbagai agensi di negeri ini bagi menggalakkan aktiviti penanaman pokok di setiap agensi dan menyumbang rekod tanaman pokok tersebut kepada Kerajaan Negeri Perak untuk direkodkan di dalam portal Penghijauan Malaysia. Jabatan Perhutanan Negeri Perak melaksanakan hebahan dan promosi program penghijauan melalui media massa dan elektronik seperti Radio Perak FM, Facebook dan Instagram berkenaan bagi menggalakkan aktiviti penanaman pokok dilaksanakan oleh seluruh warga Perak yang terdiri daripada pelbagai agensi, badan korporat, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan individu.

4.3 Pelaksanaan Perak Oxygen-Land Bank (POLB) dan Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan

Pelaksanaan POLB bermula pada tahun 2019 dengan menawarkan dua (2) pakej iaitu pokok sediaada dijadikan sebagai pokok angkat kepada sesiapa yang berminat untuk dipelihara bagi tempoh minimum setahun dengan dikenakan sejumlah bayaran. Manakala bagi pakej kedua, penanaman pokok baharu ditawarkan kepada pihak yang berminat secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) dengan dikenakan sejumlah bayaran.

Bagi tahun 2019 - 2020, terdapat 26 syarikat telah menyumbang kepada POLB sejumlah RM193,500.00 dengan melibatkan penanaman sebanyak 43 pokok dan pengambilan sebanyak 49 pokok sediaada sebagai pokok angkat. Semua penyumbang telah menerima resit bayaran dan Sijil Penghargaan daripada pihak Kerajaan Negeri Perak. Resit bayaran boleh digunakan bagi tujuan pelepasan cukai ke atas CSR tersebut. Sebagai penghargaan, satu papan tanda tajaan dipasang di kawasan tersebut sepanjang tahun tersebut.

Pada tahun 2020, sementara menunggu kajian semula tawaran pakej POLB yang lebih menarik diluluskan, Program Bumi Hijau Perak Darul Ridzuan telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Hutan Simpan Chikus. Program ini menawarkan kepada sesiapa yang berminat untuk menaja penanaman sebanyak 625 pokok/hektar. Terdapat 10 agensi/ syarikat telah menyumbang sejumlah RM12,000.00 bagi penanaman sebanyak 7,500 pokok dengan keluasan 12 hektar. Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti Persatuan Kayu-kayan Perak, Perbadanan Menteri Besar Incorporated Perak (MBInc), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak, Lumut Quarry Sdn. Bhd, Empayar Indera Sdn. Bhd, Bestwell Plantation Sdn. Bhd, Zirama Properties

Sdn. Bhd, MajuPerak Holdings Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Wira Produktif Sdn. Bhd.

Mulai 1 Jun 2021, pakej POLB yang lebih menarik telah ditawarkan dengan mengkaji semula kadar bayaran dan lebih banyak pilihan melalui pindaan Kaedah-Kaedah Hutan 1988. Terdapat 3 kategori dalam pakej terkini dalam POLB iaitu penanaman pokok baharu; rawatan & selenggara pokok yang telah ditanam; dan pemelihara pokok sediaada. POLB diperkenalkan di Hutan Simpan Chikus dan akan diperluaskan ke hutan simpanan kekal yang lain jika terdapat permintaan pada masa hadapan. Dengan kadar baru tersebut, terdapat enam (6) syarikat telah menyumbang kepada POLB sejumlah RM87,000.00 dengan penglibatan penanaman pokok sebanyak 2,620 pokok.

4.4 Kerjasama Strategik Bersama Syarikat Korporat secara CSR

Selain daripada peruntukan-peruntukan tersebut, syarikat swasta seperti Nestle Berhad turut serta dalam program ini dengan menggunakan peruntukan sendiri dan menanam sebanyak 500 pokok di Hutan Simpan Chikus.

Bank Rakyat merupakan agensi perbankan pertama yang menyumbang bagi aktiviti penanaman pokok di Hutan Simpan Chikus dengan melibatkan penanaman pokok sebanyak 1,250 pokok dengan keluasan 2 hektar.

Pada tahun ini pada dasarnya, Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak juga setuju untuk menyumbang sebanyak RM1,100,000.00 bagi aktiviti penanaman pokok bakau di hutan simpanan kekal negeri Perak dan penganjuran program CEPA. Lembaga Air Perak (LAP) juga telah bersetuju pada dasar untuk menyumbang sejumlah RM100,000.00 bagi menjalankan penanaman pokok.

5.0 ISU DAN CABARAN

Sepanjang program penghijauan ini dilaksanakan, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak jabatan. Di antaranya adalah penglibatan swasta yang kurang akibat daripada platform hebahan dan promosi yang kurang efektif dan sesuai untuk mempromosi program penghijauan di negeri Perak dengan lebih meluas, kekurangan Kakitangan di jabatan serta kurang kemahiran komunikasi semasa memasarkan produk dan juga kaedah pembayaran yang kurang mesra pengguna.

5.1 Platform hebahan dan promosi yang kurang efektif dan sesuai

Pihak jabatan telah membuat promosi dan hebahan melalui media massa dan elektronik serta secara bersemuka. Melalui cara tersebut pihak jabatan hanya mencapai kumpulan sasaran secara kecil-kecilan dan yang berdekatan serta berada di dalam negeri Perak sahaja. Bagi mendapatkan sasaran yang lebih meluas dan tinggi pihak jabatan bercadang untuk membuat promosi dan hebahan melalui platform yang lebih tinggi seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga telah mempromosikan program penghijauan Perak di platform yang melibatkan antarabangsa seperti Lawatan Kerja Duta-Duta Kesatuan Eropah ke Negeri Perak Darul Ridzuan dan juga lawatan kerja senator-senator Perancis ke negeri Perak.

5.2 Kekurangan Kakitangan Di Jabatan Serta Kurang Kemahiran Komunikasi

Kekurangan kakitangan di jabatan serta kurang kemahiran komunikasi semasa memasarkan produk. Untuk menangani isu ini jabatan bercadang mengambil kakitangan yang berkemahiran dalam bidang pemasaran dan menyediakan inisiatif latihan yang lebih komprehensif dan berkesan kepada Kakitangan jabatan yang terlibat dalam program tersebut tetapi kurang kemahiran komunikasi.

5.3 Sistem Pembayaran yang Kurang Mesra Pengguna

Isu kaedah pembayaran juga merupakan salah satu kekangan yang dihadapi oleh pihak jabatan. Pelbagai pihak yang berminat untuk menyertai program penajaan secara CSR perlu hadir ke jabatan untuk membuat pembayaran secara manual di kaunter bayaran. Oleh itu, ia menyukarkan pihak swasta yang ingin membuat pembayaran kepada Kerajaan Negeri terutama bagi syarikat yang berada di luar negeri Perak dan boleh menyebabkan pihak swasta kurang berminat untuk menyertai program tersebut. Sebagai langkah penyelesaian, jabatan dalam usaha untuk menyediakan platform pembayaran dalam talian yang lebih mesra pengguna.

Jabatan juga mendapat sokongan daripada Kerajaan Malaysia untuk menawarkan pakej tersebut iaitu mengadakan pengecualian cukai dan sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri Perak bagi syarikat-syarikat swasta yang menyertai tajaan anjuran jabatan.

5.4 Kurang Kesedaran Orang Awam

Tapak penanaman pokok mengalami pelbagai masalah yang disebabkan oleh kekurangan kesedaran orang awam seperti gangguan haiwan peliharaan. Jabatan terpaksa menjalankan kerja-kerja penyulaman pokok-pokok yang telah mati/terjejas akibat daripada gangguan tersebut. Jabatan telah melantik kontraktor untuk menyediakan parit halangan dan memasang pagar untuk mencegah haiwan peliharaan ini dari memasuki Kawasan penanaman tersebut. Masalah ini telah diangkat ke peringkat daerah untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik haiwan peliharaan tersebut.

5.5 Kurang Inisiatif Daripada Individu

Masyarakat umum banyak bergantung kepada jabatan dalam program penghijauan dengan hanya berharap kepada sumbangan anak pokok dan media tanaman dari jabatan.

5.6 Kekurangan Bahan Tanaman Berkualiti

Sejak pelaksanaan program penghijauan berskala besar dijalankan, banyak anak pokok telah dibekalkan dan dilaksanakan penanaman. Adalah didapati stok anak pokok di tapak-tapak semeian berkurangan dan tidak mencukupi untuk menampung aktiviti penanaman. Jabatan telah meningkatkan perolehan biji benih dan bahan tanaman serta menggalakkan penglibatan masyarakat setempat dalam penyediaan bahan tanaman.

5.7 Kerjasama Daripada Pelbagai Agensi Terhad Kepada Penubuhan Petak Tanaman Dan Kurang Pada Penyelenggaraan Tanaman

Sehingga kini, agensi-agensi yang terlibat dengan program penanaman adalah kurang berminat untuk aktiviti penyelenggaraan dan rawatan Kawasan yang telah dilaksanakan penanaman pokok. Jabatan terpaksa memperuntukkan sebahagian peruntukan kewangan dan tenaga kerja untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan rawatan bagi memastikan program penghijauan ini berjaya.

6.0 SYOR DAN CADANGAN

Beberapa pengesyoran dan cadangan hasil daripada pelaksanaan Program Penghijauan di negeri Perak adalah seperti berikut:

- i. POLB dijadikan sebagai model untuk diikuti oleh negeri-negeri lain dalam program penghijauan;
- ii. Memperluaskan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan agensi swasta;
- iii. Memberi insentif dan penghargaan kepada pelbagai agensi dan swasta yang terlibat;
- iv. Memantau prestasi penanaman dan kadar kehidupan pokok tanaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun selepas tanaman;
- v. Menggalakkan teknik dan kaedah perolehan biji benih, bahan tanaman dan media tanaman; dan
- vi. Sentiasa mempromosi dan membuat hebahan bagi menarik minat pelbagai pihak untuk program penanaman pokok.